

Penjagaan Komputer

Ditulis oleh Administrator
Jumaat, 06 April 2007 02:37 -

Penjagaan Komputer

[Latarbelakang](#)

[Persekitaran Menempatkan Komputer](#)

[Tindakan Yang Perlu Diambil Sebelum Memulakan Komputer](#) ;

[Tindakan yang perlu diambil sesudah memulakan komputer](#)

[Peringatan semasa menggunakan komputer](#)

[Peringatan semasa ingin berhenti menggunakan komputer](#)

Latarbelakang

Sebelum diperkatakan dengan lebih lanjut berkaitan penjagaan komputer, eloklah kita memahami bagaimana komputer beroperasi dan juga fungsinya. Komputer mempunyai komponen-komponen sirkit bersepadu yang memerlukan aliran elektrik untuk beroperasi. Kerana letrik sentiasa mengalir di dalam komputer maka ianya mengeluarkan haba panas. Terdapat juga komponen yang memerlukan pergerakan mekanikal dan beroperasi secara sentuhan seperti papan kekunci dan tetikus. Komputer beroperasi melalui arahan-arahan yang telah disimpan didalam cekera keras dan diproses oleh komputer didalam memorinya. Arahan-arahan ini terbahagi kepada dua iaitu arahan-arahan sistem pengendaliannya dan juga arahan-arahan dari sistem aplikasi. Fungsi komputer adalah memproses data yang diberikan kepadanya dan mengeluarkan maklumat yang dimanaafkan untuk kita. Untuk maklumat terperinci berkaitan komputer sila rujuk tutorial Pengenalan Kepada Komputer.

Persekitaran Menempatkan Komputer

Pastikan komputer diletakkan didalam bilik yang mempunyai pengedaran udara yang baik dan tidak terlalu panas. Bilik yang mempunyai pendingin udara adalah digalakkan tetapi bukan satu kemestian. Komputer boleh beroperasi dalam suhu antara 10 darjah Celsius ke 40 darjah Celsius. Terdapat juga komponen-komponen komputer yang mempunyai kipas sendiri seperti pemproses utama dan pembekal kuasa. Pengedaran udara yang baik sangat penting kerana haba dari komputer perlu beredar dan bercampur dengan udara lain supaya kepanasannya berkurangan. Komputer-komputer perlu ditempatkan ditempat yang tidak begitu sesak yang memungkinkan ia dilanggar atau terhentak. Ini kerana kebanyakan komponen komputer adalah mudah pecah atau rosak jika terkena hentakan. Habuk juga boleh mengganggu operasi komputer terutama komponen seperti tetikus, papan kekunci dan juga papan induk komputer itu sendiri dimana habuk mungkin bertindak sebagai konduktor untuk mengalirkan aliran elektrik ke sirkit yang salah dan menyebabkan operasi komputer menjadi bercelaru. Jika komputer ditempatkan di kawasan dimana terdapat gangguan kuasa elektrik seperti voltan bekalan terlebih atau terkurang maka anda perlu menghubungkan komputer dengan alat penstabil voltan. Bagi komputer jenis pelayan yang mana ia digunakan memproses transaksi kemaskini yang banyak maka sebuah alat pembekal kuasa tanpa henti ('uninterruptable power supply (UPS)' adalah diperlukan. Perkakas ini memasti ia dapat beroperasi sehingga bersedia untuk diberhentikan walaupun semasa terputus bekalan elektrik.

Bagi menjaga kesihatan pengguna komputer adalah penting perabot yang digunakan adalah ergonomik. Layar paparan perlulah pada paras mata supaya tidak perlu mendongak untuk membaca paparan. Papan kekunci seeloknya pada paras siku dan sebahagian tapak tangan dapat diletakkan keatas meja papan kekunci atau meja supaya mengelak dari kepenatan atau kecederaan.

Tindakan Yang Perlu Diambil Sebelum Memulakan Komputer

Pastikan segala penutup yang diletakkan keatas monitor, papan kekunci dan lain-lain yang digunakan untuk menghindari habuk dibuka. Ini ialah untuk memastikan segala ruang udara perkakasan ini tidak ditutup hingga mengganggu peredaran udara. Pastikan pad untuk pergerakan tetikus disapu supaya tidak mempunyai habuk yang akan melekat di bebola tetikus. Untuk pengetahuan tetikus beroperasi dengan pergerakan bebola yang bersentuh dengan dua lagi roda yang bertindak sebagai pengukur axis x dan y bagi pelunjuk. Habuk-habuk yang terlekat pada bebola akan melekat pada roda x dan y axis dan mengganggu pergerakannya yang akan mengakibatkan pelunjuk tidak bergerak seperti yang diinginkan. Bebola didalam tetikus boleh dikeluarkan dan dicuci menggunakan berus atau kain. Bagaimanapun alat-alat lain di dalam tetikus tidak digalakkan diusik kerana ia adalah alat yang mempunyai daya ketepatan yang tinggi serta mudah rosak. Pastikan anda tidak meletakkan

Penjagaan Komputer

Ditulis oleh Administrator
Jumaat, 06 April 2007 02:37 -

tetikus keatas permukaan yang kasar kerana bebola tersebut diperbuat dari getah dan mungkin cepat haus dan tidak lagi bersentuh dengan roda-roda dalam tetikus.

Tindakan yang perlu diambil sesudah memulakan komputer.

Adalah digalakkan supaya anda memulakan perisian mengesan virus pada cekera dan memori. Anda digalakkan juga menyemak cekera keras anda kalau terdapat fail-fail sementara atau fail-fail lain yang tidak lagi dikehendaki supaya dapat dibuang. Mulakan juga aturcara menyemak struktur direktori cekera anda dan juga utiliti memperkemas cekera anda dari sebarang fragmentasi fail. Fragmentasi adalah suasana dimana sesuatu fail berpecah kepada beberapa bahagian di simpan di merata tempat hinggakan gerak kerja untuk membaca menjadi lambat kerana terpaksa melibatkan pergerakan kepala pembaca cekera yang banyak.

Peringatan semasa menggunakan komputer

Jika anda digalakkan memasang penjimat skrin yang memerlukan kata laluan supaya jika anda tidak menggunakan komputer beberapa ketika satu gambar yang sentiasa bertukar akan beroperasi. Fungsi penjimat skrin adalah supaya tidak ada sebahagian skrin yang rosak kerana terlalu panas kerana sentiasa menerima pancaran cahaya pada satu tempat sahaja. Kata laluan diperlukan supaya tiada orang yang mengambil kesempatan semasa ketiadaan anda untuk menggunakan komputer anda untuk tujuan tidak baik. Pastikan sebarang disket yang bukan milik anda yang ingin digunakan disemak dengan pengesan virus sebelum digunakan. Ia termasuk juga cekera liut anda yang anda gunakan untuk mengambil data atau perisian dari komputer lain. Jika anda inginkan menyalin data atau aturcara dari disket anda ke komputer lain pastikan tab pada cekera liut anda dibuka supaya komputer rakan anda tidak boleh menulis ke cekera itu. Ini adalah penting bagi menghindar jangkitan virus ke cekera tersebut.

Jika anda menggunakan komputer anda untuk menaip makalah atau data adalah penting dari masa kesemasa untuk anda 'save' atau simpan segala perubahan keatas fail yang anda sedang gunakan dan tidak menunggu sehingga makalah itu siap. Kata orang malang tidak berbau. Jika semasa anda sedang menggunakan komputer berlaku gangguan kuasa elektrik anda tidak kehilangan keseluruhan hasil kerja anda. Anda juga dinasihatkan sentiasa menyimpan sekurang-kurangnya satu salinan dari artikel atau data yang anda masukkan kecekera keras disimpa juga ke cekera liut. Umum mengetahui bahawa cekera keras adalah diantara sebahagian kecil perkakas dalam komputer yang beroperasi secara mekanikal. Jika

Penjagaan Komputer

Ditulis oleh Administrator
Jumaat, 06 April 2007 02:37 -

sesuatu itu bergerak ia satu masa akan rosak kerana haus, kepanasan atau sebagainya. Cekera keras adalah antara perkakasan yang sering rosak dan boleh mengakibatkan kehilangan maklumat yang merugikan. Semasa menggunakan cekera liut pastikan anda tidak mengeluarkan cekera semasa lampu penunjuk pada pemacu cekera liut masih menyala. Jika ini berlaku kepala pembaca cekera akan rosak, begitu juga cekera itu sendiri.

Peringatan semasa ingin berhenti menggunakan komputer.□

Pastikan anda menghentikan komputer anda secara betul. Jika anda menggunakan sistem pengendalian DOS/Windows dari Microsoft anda dinasihatkan semua fail-fail yang dikemaskini di simpan secara kekal. Pastikan anda keluar dari windows dahulu sebelum menutup suis komputer. Ini menghindarkan dari berlaku peristiwa komputer kehilangan rekod dimana fail-fail disimpan kerana komputer dihentikan sebelum komputer anda dapat menyimpan maklumat-maklumat fail yang ditukar atau yang baru.

Sebelum membuka suis komputer pastikan tiada disket cekera liut pada pemacu disket melainkan sememangnya anda ingin memulakan komputer menggunakan arahan dari disket berkenaan. Peringatan ini perlu kerana kebanyak virus jenis boot yang mungkin telah bertapak pada disket akan masuk ke komputer dan menjangkiti sektor boot dicekera keras pula. Jika terpaksa menutup komputer secara tiba-tiba kerana menjadi tidak bergerak ('hang') maka pastikan anda membiarkan ia dalam suasana off kira-kira 1 minute atau paling kurang 10 saat supaya segala daya ingatan pada komputer itu sudah hilang ('demagnetised'). Ia juga memastikan cekera keras berhenti berpusing sebelum memulakanya semua supaya ia tidak cepat rosak.